



PP00002271

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR**  
**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

30hb. oktober 1992

*Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang  
disediakan oleh : FADHILLAH B. MOHAMED*

*bertajuk : KAJIAN PERBANDINGAN KAMPUNG TRADISIONAL  
NELAYAN DENGAN KAMPUNG BARU NELAYAN*

*diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk  
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah*

**Diluluskan :**

**Panel Penilai :**

---

---

---

**Penyelia :**

( EN. AHMAD FUZI ARSHAD )

TESIS  
(Thesis)

TAJUK:

**KAJIAN PERBANDINGAN KAMPUNG TRADISIONAL NELAYAN  
DENGAN KAMPUNG BARU NELAYAN**

KAJIAN KES:

KAMPUNG SUNGAI ULAR, KUANTAN, PAHANG DAN  
KAMPUNG BARU NELAYAN SUNGAI BESAR, SELANGOR

DISEDIAKAN OLEH  
**FADHILLAH B. MOHAMED**

Cahaya Bulan 2/8/2010  
Pegawai  
Iactita  
46450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Kajian Akhir ini disediakan untuk  
memenuhi keperluan Diploma Perancangan  
Bandar dan Wilayah.

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Kajian SeniBina, Perancangan dan Ukur.

Institut Teknologi MARA

Shah Alam

Julai /November 1992

PHOTOCOPY

30/05/92

3.05 ptg

TARIKH: .....

MAS: .....

JABATAN **COPYRIGHT © UTM** BANDAR WILAYAH  
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

## PENGHARGAAN

Al-hamdulillah, dengan izin Allah s.w.t. kajian akhir ini telah dapat disiapkan. Disini, penghargaan yang utama adalah ditujukan kepada En. Ahmad Fuzi Arshad sebagai penyelia utama kajian akhir ini, kerana dengan bimbingan dan tunjuk ajar beliau, kajian ini dapat disediakan.

Penghargaan juga adalah ditujukan kepada nama-nama seperti yang tersebut dibawah :-

1. PRO: En. SHAMSURI JUSOH  
Jabatan Perikanan  
Kementerian Pertanian Malaysia  
Tkt. 8-9, WISMA TANI,  
Jalan Sultan Salehuddin,  
50628 Kuala Lumpur.
2. TUAN HAJI MOHAMAD NOR B. ABDUL LATIFF  
Pen. Pegawai Hal Ehwal Ekonomi Nelayan,  
Bahagian Pembangunan Masyarakat Nelayan,  
Tkt. 8, LKIM, Wisma PKNS,  
Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.
3. EN. HASSAN B. ABDUL RAHMAN  
Pen. Pegawai Kemajuan Nelayan,  
Bahagian Pembangunan Masyarakat Nelayan,  
Tkt. 8, LKIM, Wisma PKNS,  
Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

4. EN. ZAINOL KAMAL  
Urusetia LKIM Caw. Selangor,  
Kompleks PKNS (TKT. 2)  
Shah Alam, Selangor.
5. EN. ISMAIL B. SIDEK  
Pembantu Urusetia LKIM Caw. Pahang,  
Kuala Pahang, Pekan,  
Pahang.
6. EN. ABDUL MALEK B. SHAMSUDDIN  
Pengurus PKN, Sabak Bernam,  
Selangor
7. EN. MARZIDIN B. ABD. MALEK  
Pengurus PNK, Kuala Langat,  
Selangor.
8. EN. ABD. WAHAB B. SIDEK  
Pengurus PNK Kuantan,  
Lorong Tanjung Api 1, Kuantan,  
Pahang.
9. EN. MOHD. NOR B. ABDUL RAHMAN  
Pengurus PNK Nesas,  
Pahang.
10. EN. ISMAIL B. HJ. ABD. KARIM, PJK  
Setiausaha JKKK Kampung Sg. Besar,  
Sabak Bernam, Selangor.

11. KAMARUDDIN B. ABD. RAHIM  
Ketua Kampung Tanjong Api,  
Lot 18, Lorong 8 Tg. Api,  
Kuantan, Pahang.
12. SYED HAMZAH B. SYED DABAL.  
Penghulu Mukum Sg. Karang/Badok,  
Kuantan, Pahang.
13. EN. MOHD. JADI B. HASSAN  
Pegerusi JKKK, Kampung Sungai Ular,  
Kuantan, Pahang.
14. EN. HAMZAH B. YUSOF  
Wakil JKKK Kg. Baru Nelayan Sungai Besar,  
Sabak Bernam,  
Selangor.

Akhir sekali, penghargaan ini adalah ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi semangat dan dorongan dan tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa dan seisi keluarga yang dikasihi kerana berkat doa merekalah, kajian akhir ini dapat disiapkan dengan sempurnanya.

## Senarai Jadual

	ms
Jadual 3.1 : Kategori Penduduk Mengikut Umur (Kg. Sungai Ular)	48
Jadual 3.2 : Sektor Perkerjaan (Kg. Sungai Ular)	49
Jadual 3.3 : Pendapatan Penduduk Mengikut Kategori. (Kg. Sungai Ular)	50
Jadual 3.4 : Kemudahan -Kemudahan Awam	34
Jadual 3.5 : Kategori Perkerjaan (Kg. Baru Nelayan)	64
Jadual 3.6 : Maklumat Ekonomi Nelayan	65
Jadual 4.1 : Pembahagian Persampalan	83
Jadual 4.2 : Struktur Penduduk (Sampel)	85
Jadual 4.3 : Tahap Persekolahan	86
Jadual 4.4 : Tahap Pendidikan (Bagi Yang Tamat Persekolahan)	87
Jadual 4.5 : Masalah Buta Huruf	88
Jadual 4.6 : Perkembangan Utama Dan Sambilan di Kg. Tradisional Nelayan	90
Jadual 4.7 : Perkembangan Utama Dan Sambilan di Kg. Baru Nelayan	90
Jadual 4.8 : Pendapatan Keluarga Nelayan Kampung Tradisional Nelayan Dan kampung Baru Nelayan	92
Jadual 4.9 : Kategori Perkembangan Nelayan	94
Jadual 4.10 : Jangkamasa Berkerja Dalam Seminggu	95
Jadual 4.11 : Hakmilik Kenderaan	97

Jadual 4.12	: Keluasan Tapak Rumah Kampung Tradisional	98
Jadual 4.13	: Bilangan Bilik di dalam Rumah	99
Jadual 4.14	: Kegunaan di Persekitaran rumah	100
Jadual 4.15	: Jarak Antara Rumah	101
Jadual 4.16	: Perbelanjaan Isirumah Keluarga Nelayan	103
Jadual 4.17	: Kemudahan Jalan Raya	105
Jadual 4.18	: Kemudahan Bekalan Elektrik Dan Air	106
Jadual 4.19	: Kemudahan Awam Dan Jarak Perkhidmatan Tersebut	108
Jadual 4.20	: Kehendak Dan Pendapat Nelayan	111
Jadual 4.21	: Rumusan Perbandingan	116

## SENARAI RAJAH

	ms	
Rajah 1.1	Pelan Lokasi Kajian Kes Kampung Sungai Ular, Kuantan	6
Rajah 1.2	Pelan Lokasi Kajian Kes Kampung Baru Nelayan	7
Rajah 1.3	Methodologi - Carta Alir Kerja	16
Rajah 2.1	Perubahan fizikal dan Sosio-Ekonomi	37
Rajah 3.1	Pelan Kedudukan Kampung Sungai Ular	46
Rajah 3.2	Pelan Tetatur Kg. Baru Nelayan Sg. Besar	62
Rajah 5.1	Pelan Konsep Petempatan Baru Nelayan	121
Rajah 5.2	Cadangan Pelan tetatur Petempatan Baru Nelayan	127



## SENARAI GAMBAR FOTO

	ms
Gambar Foto 1 : Kg. Tradisional Nelayan (Jenis A) Kg. Kanchung laut, Selangor	25
Gambar Foto 2 : Kg. Tradisional Nelayan (Jenis B), Kg. Tanjung Api, Kuantan	28
Gambar Foto 3 : Kg. Baru Nelayan (Jenis A) Persatuan Kampung Baru Nelayan Sg. Hj. Dorani, Selangor	31
Gambar Foto 4 : Kg. Baru Nelayan (Jenis A) Pengkalan Bot Nelayan	31
Gambar Foto 5 : Rumah Nelayan (1) - Kg, Sungai Ular, Kg. Tradisional Nelayan (Jenis A)	53
Gambar Foto 6 : Rumah Nelayan (2) - Kg. Sungai Ular, Kg. Tradisional Nelayan (Jenis A)	53
Gambar Foto 7 : Klinik Bidan -Kg. Sungai Ular, Kuantan	56
Gambar Foto 8 : Balai raya - Kg. Sungai Ular, Kuantan, Pekan	56
Gambar Foto 9 : Masjid Kg. Sungai Ular Kuantan Pahang	56
Gambar Foto 10 : Kedai Runcit Dan Telefon Awam - Kg. Sungai Ular, Kuantan	56
Gambar Foto 11 : Sek. Rendah Keb. Sungai Ular	57
Gambar Foto 12 : Tadika Dan Madrasah Kg. Sungai Ular	57
Gambar Foto 13 : Persekitaran Yang menarik di Kg. Sungai Ular, Kuantan	59

Gambar Foto 14 :	Pulau Ular - Kawasan Pelancongan, Kg. Sungai Ular	60
Gambar Foto 15 :	Penglibatan Agensi sektor Pelancongan Kg. Sungai Ular, Kuantan	60
Gambar Foto 16 :	Rumah dan Kawasan Persekitaran (1) - Kg. Baru Nelayan Sungai Besar	67
Gambar Foto 17 :	Rumah di Persekitaran (2) Kg. Baru Nelayan Sungai Besar Selangor	67
Gambar Foto 18 :	Balai Raya - Kg. Baru Nelayan Sungai Besar, Selangor	69
Gambar Foto 19 :	Tadika Kemas, Kg. Baru Nelayan Sungai Besar Selangor	69
Gambar Foto 20 :	Bengkel Wanita Nelayan Kg. Baru Nelayan Sungai Besar	70
Gambar Foto 21 :	Kedai Runcit Kg. Baru Nelayan Sg. Besar, Selangor	70
Gambar Foto 22 :	Penternakan Ikan Dalam Sangkar - Kg. Merchong, Pekan, Pahang	75
Gambar Foto 23 :	Penternakan Udang Harimau - Kg. Kelanang, Kuala Langat, Selangor	75

#### SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Soalan Kaji selidik Sosio-ekonomi dan Fizikal Persekitaran Kampung Nelayan
- Lampiran B : Senarai Penglibatan Agensi dan Jenis Kemudahan yang diberi dalam Kawasan Kajian
- Lampiran C : Cadangan Jenis-jenis Kemudahan bagi Petempatan Baru Nelayan

muka surat

Pengesahan Jabatan	
Tajuk	
Penghargaan	i
Senarai Jadual	ii
Senarai Rajah	iii
Senarai Gambar	iv
Senarai Lampiran	v

## KANDUNGAN

### BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kepentingan Kajian	3
1.3	Kawasan Kajian	4
1.4	Tujuan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Skop Kajian	8
1.7	Had-Had Kajian	9
1.8	Metodologi	10
1.8.1	Mengenalpasti Tujuan, Objektif dan Skop Kajian	10
1.8.2	Kajian Awalan	11
1.8.3	Kajiselidik Tapak	12
1.8.4	Analisa Dan Penemuan	14
1.8.5	Cadangan Dan Garispanduan	14

### BAB 2 KAJIAN ILMIAH

2.1	Pengenalan	17
2.2	Definisi Nelayan	17
2.3	Taraf Sosio-ekonomi Nelayan	19

2.4	Sejarah Perkembangan Kampung Dan Masyarakat Nelayan di Malaysia	20
2.5	Kategori Kampung Nelayan di Malaysia	23
2.5.1	Kampung Tradisional Nelayan	24
2.5.2	Kampung Baru Nelayan	29
2.6	Kriteria-kriteria Perbandingan Kampung Nelayan	30
2.6.1	Aspek Fizikal	32
2.6.2	Aspek Sosial	33
2.6.3	Aspek Ekonomi	33
2.7	Piawaian Perancangan Kampung Nelayan	34
2.8	Penubuhan Fizikal Dan Sosio-ekonomi Nelayan	35
2.9	Elemen-elemen Penting Dalam Kampung Nelayan	39
2.10	Perancangan Kampung Nelayan Yang Ideal	40

### **BAB 3 KAWASAN KAJIAN DAN PENGLIBATAN AGENSI**

3.1	Pengenalan Kawasan Kajian	43
3.2	Kampung Sungai Ular, Kuantan (Kampung Tradisional Nelayan)	44
3.2.1	Profail Penduduk/Masyarakat	47
3.2.2	Perkembangan dan Pendapatan Penduduk Nelayan	49
3.2.3	Jumlah Dan Jenis Rumah	51
3.2.4	Kemudahan Asas Dan Kemudahan Awam	52
3.2.5	Potensi Pelancongan	58

3.3	Kg. Baru Nelayan Sungai Besar Sabak Bernam	61
3.3.1	Profail Penduduk/Masyarakat	63
3.3.2	Perkerjaan Dan Pendapatan Penduduk	64
3.3.3	Jumlah dan Jenis Rumah	66
3.3.4	Maklumat Kemudahan Asas Dan Kemudahan Awam	66
3.3.5	Potensi Pelancongan	68
3.4	Penglibatan Agensi Dan Jabatan Kerajaan Dalam Kawasan Kajian	71
3.4.1	Kementerian Pertanian Malaysia	71
3.4.2	Jabatan Perikanan	72
3.4.3	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	73
3.4.4	Persatuan Nelayan	78

#### BAB 4 ANALISA PERBANDINGAN

4.1	Pengenalan	82
4.2	Penemuan-Penemuan	84
4.2.1	Profail Keluarga	84
4.2.2	Perkerjaan Utama Dan Sambilan	87
4.2.3	Migrasi Dan Imigrasi	96
4.2.4	Hartabenda Keluarga Nelayan	96
4.2.5	Keadaan Rumah Dan Persekitaran Pertempatan	98
4.2.6	Perbandingan Isirumah Nelayan	103
4.2.7	Kemudahan Asas Dan Kemudahan Awam	104
4.2.8	Keadaan fizikal Persekitaran	109
4.2.9	Kehendak Atau Pendapat Tempatan	110
4.2.10	Kajian Isirumah Bukan Nelayan	113
4.2.11	Rumusan Perbandingan	114

## BAB 5 CADANGAN-CADANGAN AM DAN GARIS PANDUAN

5.1	Pengenalan	118
5.1.1	Cadangan Petempatan Baru Nelayan Yang Ideal	119
5.1.2	Cadangan Pembangunan Kampung Tradisional Nelayan	129
5.1.3	Cadangan Petempatan Semula Kampung Nelayan	131
5.1.4	Cadangan Agensiagensi Yang Terlibat Dengan Petempatan Nelayan	131
5.2	Rumusan	136

**BAB 1**  
**Pengenalan Kajian**

**1.1 Pengenalan**

Perbezaan antara kampung tradisional nelayan dan kampung baru nelayan dapat diukur dari aspek fizikal petempatan, sosial dan ekonomi penduduk. Dalam bidang perancangan secara amnya kampung tradisional nelayan mempunyai ciri-ciri seperti kurang kemudahan asas dan awam, petempatan yang tidak tersusun, keadaan yang tidak selesa dan taraf sosio-ekonomi penduduk yang rendah. Manakala kampung baru nelayan pula mempunyai ciri-ciri sebaliknya seperti kemudahan asas dan awam yang mencukupi, petempatan yang lebih tersusun, keadaan yang lebih selesa dan taraf sosio-ekonomi yang lebih baik.

Dalam kajian ini, sesebuah kampung dikategorikan sebagai sebuah kampung nelayan apabila sekurang-kurangnya 30 peratus daripada penduduk kampung tersebut terdiri daripada nelayan. Ini adalah kerana pada masa sekarang adalah agak sukar untuk mendapatkan sebuah kampung yang mempunyai 50 peratus atau lebih daripada penduduk kampung yang bekerja sebagai nelayan.



Taburan kampung-kampung nelayan di Malaysia sama ada kampung tradisional nelayan atau kampung baru nelayan kebanyakan terletak disepanjang pantai, muara sungai dan juga disepanjang sungai. Antara faktor yang paling utama perletakan kampung-kampung nelayan disini adalah kerana ianya lebih berhampiran dengan sumber pencarian nelayan sama ada dilaut ataupun di sungai.

Perkembangan kemajuan kampung nelayan jika dibandingkan dengan kampung-kampung lain masih ketinggalan dari segi sosio-ekonomi penduduk dan fizikal petempatan. Perbezaan ini adalah lebih ketara bagi kampung tradisional nelayan diluar bandar disebabkan masih ramai penduduknya mempunyai tahap pendidikan, kesihatan dan pendapatan yang rendah serta dikongkangi pula dengan keadaan persekitaran yang tidak selesa.

Bagi kampung baru nelayan, walaupun telah menampakkan sedikit kemajuan dari segi persekitaran kampung namun dari segi sosio-ekonomi penduduk ianya masih belum mencapai' suatu tahap yang boleh dibanggakan. Antara faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku adalah kerana kurangnya kajian yang tersendiri yang memerlukan penelitian dan pemerhatian khususnya dalam

mengenalpasti kehendak dan keperluan masyarakat nelayan dalam sesebuah petempatan nelayan sama ada di kampung tradisional atau kampung baru nelayan.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Program-program pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan khususnya untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi nelayan termasuklah dengan menyediakan petempatan baru. Projek petempatan baru nelayan atau lebih dikenali dengan kampung baru nelayan telah diwujudkan pada awal tahun 1980<sup>1</sup>.

Tujuan utama pihak kerajaan menyediakan petempatan baru adalah untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi nelayan namun ianya kurang berjaya oleh kerana sebahagian besar daripada masyarakat nelayan di kampung baru nelayan pada masa sekarang masih mempunyai taraf sosio-ekonomi yang rendah. Perbezaan yang nyata antara kampung tradisional nelayan dengan kampung baru nelayan hanyalah dari aspek fizikal petempatan yang lebih tersusun dan kemudahan-kemudahan asas dan awam yang lebih baik.

---

<sup>1</sup> Temubual dengan Pen. Pegawai Kemajuan Nelayan, Bah. Pembangunan Masyarakat, LKIM (27hb. Jun 1992)

Apabila dibandingkan dari segi sosio-ekonomi ternyata kedua-dua kampung tidak jauh berbeza, malah terdapat kampung tradisional nelayan yang mempunyai taraf ekonomi yang lebih baik khususnya kampung nelayan tradisional dipantai timur.

Oleh itu, adalah penting kajian perbandingan ini dibuat bagi mengenalpasti punca yang menyebabkan kurangnya perbezaan terutama dari segi sosio-ekonomi penduduk dan tindakan yang perlu diambil dengan menyediakan garis panduan kepada agensi-agensi yang terlibat dalam meningkatkan taraf kehidupan nelayan dan seterusnya dapat meningkatkan ekonomi sektor perikanan.

Disamping itu kajian ini adalah penting untuk mengetahui sejauh mana sistem perancangan dan pembangunan setempat dapat membentuk masyarakat nelayan yang lebih maju.

### **1.3 Kawasan Kajian**

Bagi kajian perbandingan ini, kajian kes bagi kampung nelayan tradisional adalah di kampung Sungai Ular, Kuantan, Pahang manakala bagi kampung baru nelayan adalah di Kampung Baru Nelayan, Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan. Pemilihan

kawasan kajian ini adalah bertepatan dengan kriteria-kriteria yang digunakan bagi menentukan sama ada kampung tradisional nelayan atau kampung baru nelayan. Perletakan secara fizikal kawasan kajian ini adalah seperti di dalam rajah 1.1 dan 1.2.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian adalah untuk menyediakan suatu garis panduan dan cadangan kepada program pembangunan dan perancangan bagi petempatan nelayan di Malaysia.

#### 1.5 Objektif

Antara objektif bagi kajian ini ialah:

- a. Mengkaji perbandingan dikampung tradisional dan kampung baru nelayan merujuk kepada aspek fizikal petempatan, sosial dan ekonomi masyarakat nelayan.
- b. Mengenalpasti kehendak dan pendapat masyarakat nelayan di kampung nelayan tradisional dan kampung baru nelayan khususnya dalam meninggikan pembangunan di kampung tersebut.



SKAL 0 10 20 30 40 km


RAJAH 1.1 :  
**PELAN LOKASI KAJIAN KES  
 KAMPUNG SUNGAI ULAR  
 KUANTAN, PAHANG**

PETUNJUK :  
 **KAWASAN KAJIAN**

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH  
 KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
 INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
 SHAH ALAM

DISEDIAKAN OLEH :  
 FADHILLAH B. MOHAMED  
 DPBW 86 / SESSI JULAI 1992  
 (KAJIAN PERBANDINGAN KAMPUNG TRADISIONAL  
 NELAYAN DENGAN KAMPUNG BARU NELAYAN)





SKIL 0 10 20 30km

RAJAH 1.2 :

**PELAN LOKASI KAJIAN KES,  
KAMPUNG BARU NELAYAN  
SUNGAI BESAR, SELANGOR**


PETUNJUK :

 KAWASAN KAJIAN

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH  
KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM

DISEDIAKAN OLEH :

FADHILLAH B. MOHAMED  
DPBW 06 / SESSI JULAI 1992  
(KAJIAN PERBANDINGAN KAMPUNG TRADISIONAL  
NELAYAN DENGAN KAMPUNG BARU NELAYAN)



c. Mengetahui dan mengkaji sejauhmana penglibatan agensi-agensi kerajaan dalam pembangunan petempatan dan masyarakat nelayan.

d. Menyediakan cadangan-cadangan dan garis panduan perancangan untuk meningkatkan status petempatan nelayan dan taraf hidup masyarakat nelayan tersebut.

#### 1.6 Skop Kajian

Skop kajian adalah merangkumi aspek fizikal petempatan iaitu merujuk kepada susun atur petempatan, keselesaan petempatan, kelengkapan infrastruktur dan juga kemudahan asas.

Kajian ini juga merangkumi aspek sosial dan ekonomi masyarakat nelayan dengan merujuk kepada tahap pendapatan, perbelanjaan, status pendidikan dan kesihatan serta penglibatan masyarakat nelayan dalam persatuan-persatuan dan program pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

Selain daripada itu, adalah penting bagi kajian ini untuk mengetahui kehendak dan pendapat masyarakat nelayan khususnya dalam meningkatkan pembangunan kampung tersebut.

Bagi mengenalpasti punca tahap sosio-ekonomi nelayan dikampung baru nelayan adalah kurang memuaskan maka, adalah penting skop kajian ini juga merangkumi aspek penglibatan agensi-agensi kerajaan dalam program pembangunan di dalam petempatan nelayan.

#### 1.7 Had-had Kajian

Antara perkara yang tidak akan disentuh dan tidak akan dikaji dalam kajian ini ialah mengenai taraf sosial dan ekonomi penduduk yang bukan nelayan. Ini adalah kerana tujuan kajian ini adalah untuk membuat perbandingan antara masyarakat nelayan yang tinggal dikampung tradisional nelayan dan kampung baru nelayan sahaja.

Kajian ini juga tidak akan membuat kajian mengenai pentadbiran kampung dan jumlah peruntukkan kewangan yang diberikan bagi sesuatu program pembangunan di kajian kes.

Selain daripada itu kajian ini juga tidak akan menyentuh soal jumlah tangkapan ikan bagi masyarakat nelayan dalam masa tertentu bagi sesebuah kajian kes.